



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA  
KENYATAAN MEDIA**

**PENANGGUHAN OPERASI JENTERA PERPADUAN, TABIKA  
PERPADUAN DAN TASKA GENIUS PERPADUAN DI NEGERI-NEGERI  
YANG DIKENAKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERMULA 13  
JANUARI 2021**

---

Putrajaya, 14 Januari 2021 – Selaras dengan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021, Kementerian Perpaduan Negara **mengarahkan penangguhan operasi dan aktiviti Jentera Perpaduan iaitu Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS), Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di negeri-negeri terbabit Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Arahan ini berkuat kuasa pada 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021.**

2. **Bagi KRT dan SRS di negeri-negeri yang dikenakan arahan Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB), Kementerian turut mengarahkan penangguhan sementara sebarang jenis aktiviti komuniti termasuk operasi bantuan operasi penyelamatan banjir. Buat masa ini hanya KRT dan SRS di negeri-negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sahaja dibenarkan menjalankan aktiviti komuniti dan membantu operasi penyelamatan banjir mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.**

3. **Operasi Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di negeri-negeri yang dikenakan tempoh PKP akan beroperasi selari dengan institusi pendidikan pra-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Tabika dan Taska KEMAS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Arahan operasi ini adalah tertakluk juga kepada pematuhan SOP MKN dan KKM yang lebih ketat.**

4. Bagi Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di negeri-negeri yang dikenakan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), jadual operasi adalah serentak dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KEMAS seperti berikut:

- a) Tabika Perpaduan akan mula beroperasi pada 20 Januari 2021.
- b) Taska Genius Perpaduan yang telah bermula pada 3 Januari 2021 dan 4 Januari 2021 akan terus beroperasi seperti biasa.

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique mengingatkan **semua Jentera Perpaduan di semua negeri-negeri yang dikenakan arahan tempoh PKP, PKPB dan PKPP supaya mematuhi protokol kesihatan dan SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM serta arahan Kerajaan Negeri yang berkaitan.**

6. Sehubungan itu Kementerian turut menasihatkan semua kakitangan, jentera perpaduan dan orang ramai supaya sentiasa patuh kepada SOP dan mengamalkan norma baharu seperti pemakaian pelitup muka, memastikan penjarakan fizikal dan sentiasa membersihkan tangan terutamanya ketika berada di tempat awam. **Untuk maklumat lanjut ataupun pertanyaan mengenai SOP Kementerian Perpaduan Negara, orang awam menghubungi pihak Kementerian di talian berikut: 03- 8091 8080 / 03- 8883 7155 / 03- 8883 7151 / 017- 280 4364 dan juga melalui email: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my).**

**Kementerian Perpaduan Negara**

14 Januari 2021

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (39)